

Disifatkan sebagai duri dalam daging

Mahathir rasa lega PBS keluar BN

UM 18 OCT 1990

KUANTAN 17 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad merasa lega apabila Parti Bersatu Sabah (PBS) yang disifatkan sebagai duri dalam daging bertindak keluar daripada Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri berkata: "Alhamdulillah walaupun PBS keluar dari BN" dan "kita rasa lega kerana tidak ada lagi orang yang hendak menimbulkan masalah dalam BN."

Sebaliknya beliau menjemput parti-parti pembangkang yang lain termasuk Pas, mengambil serta membantu PBS dalam pilihanraya umum 21 Oktober ini.

"Kalau orang lain hendak ambil PBS, jemputlah dan jika Fadzil Noor dan Haji Hadi hendak berkempen membantu calon PBS di Sabah, pergilah," katanya dalam sidang akhbar di Rumah UMNO Pahang di sini, hari ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir menyifatkan PBS sebagai duri dalam daging yang menyebabkan BN 'bengkok' serta menanah seperti

bisul'.

Beliau berkata BN kini telah pulih dari demamnya kerana bisul itu telah pecah.

Kepentingan

"Selama PBS berada dalam BN, dia (PBS) tidak mempunyai semangat BN bahkan seolah-olah dia tidak berada dalam Malaysia dan tidak menganggap langsung dirinya orang Malaysia," katanya.

Perdana Menteri menambah Dato' Joseph Pairin Kitingan tidak menghiraukan Kerajaan Persekutuan tetapi asyik mementingkan 'Sabah, Sabah dan Sabah.'

Tambahnya lagi, PBS telah membuat bermacam-macam permintaan yang susah hendak dilayan oleh Kerajaan Persekutuan.

Beliau berkata kerajaan mesti mengambilkira kepentingan yang seimbang di negeri-negeri lain selain Sabah.

Beliau juga menarik perhatian seni kata lagu Negeri Sabah iaitu 'Sabah will show the way' yang seolah-olah Sabah hendak menunjukkan jalan kepada Kerajaan Persekutuan untuk memerintah negara ini.

Mengenai sokongan BN terhadap calon Bebas yang menentang calon PBS, Perdana Menteri berkata langkah tersebut bertujuan semata-mata hendak mengalahkan PBS.

"Kita akan sokong siapa juga termasuk parti AKAR kecuali DAP bagi menentang PBS nanti," ujarnya.

Menjawab soalan pemberita, Perdana Menteri berkata Majlis Tertinggi UMNO membuat keputusan menubuhkan cawangan di Sabah untuk menyelesaikan masalah di negeri itu dengan segera.

Katanya, keadaan sekarang memaksa keputusan itu dibuat dengan cepat sementara kesan dari segi politik belum hilang.